



## IPO baharu bakal pacu dagangan Bursa Malaysia



Tajuddin Atan

30 Mac 2017 12:29 AM

KUALA LUMPUR 29 Mac – Tawaran awam permulaan (IPO) yang bakal dilaksanakan tahun ini berkemungkinan dapat memacu dagangan Bursa Malaysia lebih tinggi daripada 27 peratus yang dicapai pada tahun lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Bhd., Datuk Seri Tajuddin Atan berkata, penyenaian Eco World International Bhd. pada 3 April ini akan menjadi antara tumpuan utama pada tahun ini, memandangkan permodalan pasarannya yang besar.

“Tambahan pula, kami mendengar Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan penyenaian dua IPO lagi, masing-masing di pasaran utama dan pasaran ACE.



“Penyenaian-penyenaian ini sudah mencukupi untuk mencergaskan pasaran,” kata beliau kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan Bursa Malaysia di sini hari ini.

Setakat ini bagi tahun ini, HLT Global Bhd., Matang Bhd., KIP Real Estate Investment Trust dan Serba Dinamik Holdings Bhd. telah disenaraikan.

Secara kolektifnya, empat penyenaaran ini mempunyai permodalan pasaran berjumlah kira-kira RM2.84 bilion hampir sama dengan permodalan pasaran Eco World International.

Menurut Tajuddin, buat masa ini, momentum perdagangan dalam pasaran saham tempatan adalah sangat baik dengan kira-kira RM4.7 bilion dalam aliran masuk dana asing setakat ini.

Beliau berkata, pada 13 hingga 17 Mac 2017, terdapat aliran masuk dana asing yang hebat dengan jumlah kira-kira RM1.7 bilion dalam minggu itu sahaja.

Selain IPO yang menarik dan kekuatan ringgit, beliau berkata, para pelabur memasuki pasaran bagi mendapatkan hasil dividen yang kukuh dalam pasaran Bursa tersebut. – BERNAMA

#### Tag Berkaitan

Saham, Komoditi dan Mata Wang

Semasa

## ARTIKEL BERKAITAN



PNB terus catat prestasi terbaik

Malaysia destinasi pelaburan terbaik



IPO: Eco World sasar raih RM2.58b

Pasaran modal Malaysia RM2.84 trilion

Industri pengurusan dana positif

[Cikgu Saham](#) / Mengawal emosi dalam urus niaga saham

## VIDEO TERKINI



Kapsul Berita 29 Mac 2017



Enam sahabat promosi daging dendeng fusion



Kapsul Berita 28 Mac 2017

Kapsul Berita 27 Mac 2017

Banyuwangi, permata tersembunyi Indonesia

LIMA' 17 berakhir LIMA' 19 ditunggu